



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**EXAMINATION
FOR
THE CERTIFICATE IN LEGAL PRACTICE
(2023 SUPPLEMENTARY EXAMINATION)**

CIVIL PROCEDURE

Monday, 6 November 2023

Reading Time : 9.00 a.m. - 9.20 a.m.

Answering Time : 9.20 a.m. - 12.20 p.m.

-
- * THIS PAPER CONSISTS OF TWO (2) PARTS, 'A' AND 'B' .**
 - * YOU ARE REQUIRED TO ANSWER QUESTION 1 (ONE) IN PART 'A' WHICH IS COMPULSORY.**
 - * YOU ARE ALSO REQUIRED TO ANSWER THREE (3) QUESTIONS OUT OF SIX (6) QUESTIONS IN PART 'B'.**
 - * GIVE REASONS FOR YOUR ANSWERS.**
 - * RELEVANT CASES AND STATUTORY PROVISIONS MUST BE CITED IN ALL ANSWERS.**
-

REMINDER:

Pursuant to the announcement issued by the Legal Profession Qualifying Board Malaysia dated 14 June 2000 on the use of the national language in the Certificate in Legal Practice Examination, this examination paper is set in the English and national language. Candidates may answer questions **either** in the English or national language.

(This question paper has 7 questions printed on 10 pages)

PART A: COMPULSORY QUESTION**1. Candidates MUST answer this question**

On 1 December 2020, Yusuf's father, Ahmad, took Yusuf on a motorcycle trip from their hometown in Bentong to Kuala Lumpur. Yusuf was 16 years old on 1 June 2020. When they arrived in Kuala Lumpur, at Jalan Tun Perak, their motorcycle collided with a Public Works Department (PWD) lorry driven by a PWD employee, Dollah, who was from Seremban. As a result of the collision, Ahmad lost control of the motorcycle and collided with a car driven by Santos, a visitor from the Philippines. Ahmad was unhurt, but Yusuf suffered injuries and took some time to recover. In November 2023, Ahmad sought your advice to file legal proceedings in court for the injuries suffered by Yusuf. You are required to advise Ahmad on the following issues:

(a) **Who should be the parties in the proposed court proceedings?**

(4 marks)

(b) **In which court and in which city or town should the action be filed?**

(6 marks)

(c) **What is the limitation period in respect of the claim for the injuries suffered by Yusuf?**

(7 marks)

(d) **What is the procedure to serve the writ of summons on Santos?**

(8 marks)

PART B: ANSWER ANY THREE (3) QUESTIONS**2. Answer ALL parts of this question which are separate and independent**

- (a) Chua made an application to the Majlis Perbadanan Bukit Harimau, a local authority, for permission to develop his 2-acre land in the area. After hearing him out and studying the documents he submitted, the local authority wrote to him to fix a date to deliver its decision. The letter was wrongly addressed, and Chua never received the letter. On the date of the decision, that is on 1 August 2023, when Chua was absent, the local authority rejected his application and subsequently wrote to him informing him of its decision, and that letter too was again sent to the same wrong address. On 15 November 2023, Chua went to the local authority office to find out the status of his application, and he discovered that his application was dismissed on 1 August 2023. A copy of the decision and the letter informing him of the same was then handed to him. Chua is aggrieved at the decision and is adversely affected by it.

Advise Chua on the procedure he should adopt to challenge the decision of the local authority and the legal principles involved, and whether he is entitled to make a claim for damages.

(13 marks)

- (b) Paul commenced a civil action against Din in the High Court. After the pleadings were closed and when the case came up for case management, the Judge took the view that the case could be determined without the necessity of witnesses giving evidence as the issues, the questions of law and construction of documents are suitable for determination without the need for a full trial.

Advise Paul on the two (2) modes of determination of issues, questions of law and construction of documents which are available for him to choose in the Rules of Court 2012 and which mode is more suitable.

(12 marks)

3. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) In a civil suit in the High Court, after the pleadings were closed, the Defendant wanted the Plaintiff to provide further details of certain paragraphs in the statement of claim and also wanted the Plaintiff to disclose the evidence the Plaintiff would adduce at the trial.

Advise the Defendant on the procedure to be adopted and the legal principles which are applicable.

(10 marks)

- (b) The Plaintiff filed a civil suit against three (3) Defendants the details of which are as follows:
- (i) against the 1st Defendant, a claim for possession of immovable property, a declaration and general damages;
 - (ii) against the 2nd Defendant, a claim for possession of immovable property and liquidated damages;
 - (iii) against the 3rd Defendant, a claim for general damages.

After the writ of summons and statement of claim were served on all three (3) Defendants, they failed to file their respective appearances within the time limited to enter the appearances.

Advise the Plaintiff on the next course of action which the Plaintiff should adopt against each Defendant.

(12 marks)

(c) How is the service of a writ effected on a company incorporated in Malaysia under the Rules of Court 2012?

(3 marks)

4. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

(a) ABC Sdn. Bhd. obtained judgment for specific performance in respect of five (5) shophouses against XYZ Developers Sdn. Bhd. in the High Court. After the judgment was drawn up and perfected, ABC Sdn. Bhd. discovered the following discrepancies in the sealed judgment:

- (i) the penal endorsement under Order 45 rule 7(4) of the Rules of Court 2012 was inadvertently omitted in the judgment which affects the enforceability of the judgment;
- (ii) the title particulars of one of the shophouses were incomplete which might affect the intended registration of the title in the land office; and
- (iii) the judgment did not include the 5th shophouse and a search in the court file indicated that the court did not grant specific performance of the 5th shophouse contrary to the belief of ABC Sdn. Bhd.

Advise ABC Sdn. Bhd. on the steps it should take to rectify the judgment with reference to relevant case laws.

(13 marks)

- (b) Tan and Wong were equal business partners in AAA Supplies, a registered business. After a fire destroyed their business premises, they decided to cease business and deregister their firm. Prior to the cessation of the business, they filed a claim with Super Insurance Sdn. Bhd. with respect to the fire insurance coverage of their business premises. Subsequently, Wong passed away and his wife, May, was appointed as his administratrix and is the sole beneficiary. Super Insurance Sdn. Bhd. has approved the fire insurance compensation. Tan has made a claim for the entire compensation sum. May has also made a claim for the entire compensation sum. Both Tan and May have appointed solicitors who have made separate demands to Super Insurance Sdn. Bhd. to pay the entire compensation to their respective clients.

Advise Super Insurance Sdn. Bhd. on the procedural steps it should take in light of the competing claims made against it.

(12 marks)

5. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) In an application for summary judgment under Order 14 of the Rules of Court 2012, the Defendant filed his affidavit in reply. The Plaintiff has given notice to the Defendant of his intention to object to the admissibility of the affidavit in reply on the following grounds:
- (i) the affidavit in reply contained hearsay evidence;
 - (ii) one paragraph in the affidavit in reply referred to the Plaintiff as a fraud and an unethical person;

- (iii) one of the exhibits annexed to the affidavit in reply did not contain the certificate of the Commissioner for Oaths before whom the affidavit was sworn; and
- (iv) the address of the Defendant in the affidavit in reply was erroneous.

Advise the Defendant if he can successfully overcome the objections put forward by the Plaintiff.

(12 marks)

- (b) Cavill employed the services of a contractor and an architect for the construction of a holiday bungalow for him in Port Dickson. Almost immediately after the bungalow was completed, it partially collapsed. Cavill is determined to find the cause of the collapse and to file a legal action against the responsible party. Both the contractor and architect have denied liability. The contractor argued that he relied wholly on the architect's drawings. Cavill has asked the architect to provide him with the drawings but the architect has refused to do so. Cavill wants to have access to the drawings so that he will know who to sue.

Advise Cavill on the procedure he should adopt to obtain the drawings and the legal principles involved.

(9 marks)

- (c) **When does a court make an order for "costs thrown away"?**

(4 marks)

6. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) Bala filed a writ of summons and statement of claim against four (4) Defendants. Bala wants to amend the writ of summons and statement of claim in the following manner:

- (i) The name of the 1st Defendant in the writ of summons was erroneously stated. The writ of summons and statement of claim have been served on the 1st Defendant who has filed an appearance. Bala wants to amend the writ of summons to correct the name of the 1st Defendant;
- (ii) The 2nd Defendant has been served with the writ of summons and statement of claim, and he has filed his defence. Bala wants to amend the statement of claim against the 2nd Defendant by including an additional prayer against him;
- (iii) The 3rd Defendant has been served with the writ of summons and statement of claim and has filed an appearance. Bala wants to amend the capacity in which the 3rd Defendant is sued; and
- (iv) Bala wants to amend the writ of summons and statement of claim by adding a proposed 5th Defendant.

Advise Bala on the procedure he should adopt in respect of each of the proposed amendments.

(12 marks)

- (b) Thanom, a Thai national who runs a chain of restaurants in the Klang Valley, sued Chong in the Kuala Lumpur High Court for damages arising from a wrongful breach of contract. Thanom does not have a permanent address in Malaysia but on average he spends four (4) months a year in Malaysia and stays in hotels during this time. Thanom filed the suit against Chong two (2) years ago and the trial dates have been fixed in January 2024. Chong has recently filed an application to the court for security for costs against Thanom on the ground that he is ordinarily out of the jurisdiction of the court and will be unable to pay costs to Chong should the court decide against Thanom at the trial. Thanom admitted to you that he is facing financial problems primarily due to Chong's wrongful breach of contract.

Advise Thanom if he can successfully dispute Chong's application for security for costs and give reasons for your answer.

(9 marks)

- (c) **When does a court make an order in a cause or matter begun by originating summons to continue as if it had begun by writ, and what directions does the court give in such an event?**

(4 marks)

7. Answer ALL parts of this question which are separate and independent

- (a) During the course of a trial in the High Court, the Plaintiff's Counsel informed the Judge that the Plaintiff's last witness, who was crucial to the Plaintiff's case, was unable to attend court and the Plaintiff's Counsel requested a postponement. The request for postponement was disallowed and the Plaintiff's Counsel was ordered to close his case. The Defendant's Counsel was unable to open his case as none of his witnesses, including the Defendant, were present in court. The Defendant's Counsel's request for a postponement was likewise refused by the court.

It is apparent that the Plaintiff has failed to establish his case in the absence of his last witness.

Advise the Defendant's Counsel on how he should proceed under the circumstances with reference to relevant case laws.

(8 marks)

- (b) Bakar obtained a monetary judgment against Daud in the Sessions Court on 25 October 2017. Daud went into hiding after that and was only traced by Bakar sometime in November 2023. Daud owns and manages an outlet selling new handphones and computers. Bakar immediately sought your advice to enforce the judgment against Daud.

Advise Bakar on the procedural steps to be taken and the appropriate mode of execution that should be adopted against Daud.

(12 marks)

- (c) A Judgment Creditor who has obtained a monetary judgment against a government pensioner wants to know whether he can garnish the monthly pension of the pensioner. The pension is banked into the pensioner's account in Bank Simpanan Nasional. The pensioner utilizes the pension to support himself and his wife.

Advise the Judgment Creditor if he can proceed to garnish the pension.

(5 marks)

oOOo



**LEMBAGA KELAYAKAN PROFESION UNDANG-UNDANG MALAYSIA
(LEGAL PROFESSION QUALIFYING BOARD MALAYSIA)**

**PEPERIKSAAN
BAGI
SIJIL AMALAN GUAMAN
(PEPERIKSAAN TAMBAHAN 2023)**

PROSEDUR SIVIL

Isnin, 6 November 2023

Masa Membaca : 9.00 pagi - 9.20 pagi

Masa Menjawab : 9.20 pagi - 12.20 tengah hari

-
- * KERTAS INI MENGANDUNGI DUA (2) BAHAGIAN, 'A' DAN 'B'.**
 - * ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN 1 (SATU) DALAM BAHAGIAN 'A' YANG WAJIB.**
 - * ANDA JUGA DIKEHENDAKI MENJAWAB TIGA (3) SOALAN DARIPADA ENAM (6) SOALAN DALAM BAHAGIAN 'B'.**
 - * BERIKAN ALASAN BAGI JAWAPAN ANDA.**
 - * KES DAN PERUNTUKAN STATUTORI YANG BERKAITAN MESTILAH DISEBUTKAN DALAM SEMUA JAWAPAN.**
-

PERINGATAN:

Menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang Malaysia bertarikh 14 Jun 2000 mengenai penggunaan bahasa kebangsaan dalam Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, kertas peperiksaan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa kebangsaan. Calon-calon boleh menjawab soalan-soalan **sama ada** dalam bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan.

(Kertas soalan ini mengandungi 7 soalan yang dicetak pada 11 muka surat)

BAHAGIAN A: SOALAN WAJIB**1. Calon MESTI menjawab soalan ini**

Pada 1 Disember 2020, bapa Yusuf, Ahmad, telah membawa Yusuf pergi makan angin dengan motosikal dari kampung halaman mereka di Bentong ke Kuala Lumpur. Yusuf berumur 16 tahun pada 1 Jun 2020. Apabila mereka tiba di Kuala Lumpur, di Jalan Tun Perak, motosikal mereka berlanggar dengan lori Jabatan Kerja Raya (JKR) yang dipandu oleh pekerja JKR, Dollah, yang datang dari Seremban. Akibat pelanggaran itu, Ahmad hilang kawalan terhadap motosikal itu dan berlanggar dengan kereta yang dipandu oleh Santos, seorang pelawat dari Filipina. Ahmad tidak cedera, tetapi Yusuf mengalami kecederaan dan mengambil masa untuk sembuh. Dalam bulan November 2023, Ahmad telah meminta nasihat anda untuk memfailkan prosiding undang-undang di mahkamah bagi kecederaan yang dialami oleh Yusuf. Anda dikehendaki untuk memberikan nasihat kepada Ahmad mengenai isu yang berikut:

(a) **Siapakah yang sepatutnya menjadi pihak-pihak kepada prosiding mahkamah yang dicadangkan itu?**

(4 markah)

(b) **Di mahkamah manakah dan di bandar atau pekan manakah sepatutnya tindakan itu difailkan?**

(6 markah)

(c) **Apakah tempoh had masa berkenaan dengan tuntutan bagi kecederaan yang dialami oleh Yusuf?**

(7 markah)

(d) **Apakah prosedur untuk menyampaikan writ saman kepada Santos?**

(8 markah)

BAHAGIAN B: JAWAB MANA-MANA TIGA (3) SOALAN**2. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain**

- (a) Chua telah membuat permohonan kepada Majlis Perbandaran Bukit Harimau, suatu pihak berkuasa tempatan, bagi kebenaran untuk membangunkan 2 ekar tanahnya di kawasan itu. Selepas mendengar permohonannya dan meneliti dokumen yang dikemukakannya, pihak berkuasa tempatan itu telah menulis kepada Chua untuk menetapkan tarikh untuk memberikan keputusannya. Surat tersebut telah dialamatkan dengan salah, dan Chua tidak pernah menerima surat itu. Pada tarikh keputusan itu, iaitu pada 1 Ogos 2023, semasa Chua tidak hadir, pihak berkuasa tempatan itu telah menolak permohonan Chua dan kemudiannya telah menulis kepada Chua untuk memaklumkan Chua mengenai keputusannya, dan surat itu juga telah sekali lagi dihantar ke alamat yang sama yang salah itu. Pada 15 November 2023, Chua telah pergi ke pejabat pihak berkuasa tempatan itu untuk mengetahui status permohonannya, dan dia mendapati bahawa permohonannya telah ditolak pada 1 Ogos 2023. Suatu salinan keputusan itu dan surat yang memaklumkan Chua mengenai keputusan itu kemudiannya telah diberikan kepadanya. Chua terkilan dengan keputusan itu dan terjejas dengannya.

Berikan nasihat kepada Chua mengenai prosedur yang sepatutnya diguna pakai olehnya untuk mencabar keputusan pihak berkuasa tempatan itu dan prinsip undang-undang yang terlibat, dan sama ada dia berhak membuat tuntutan bagi ganti rugi.

(13 markah)

- (b) Paul telah memulakan tindakan sivil terhadap Din di Mahkamah Tinggi. Selepas pliding ditutup dan apabila kes itu sampai masa bagi pengurusan kes,

Hakim mengambil pandangan bahawa kes itu boleh ditentukan tanpa memerlukan saksi-saksi memberikan keterangan memandangkan isu, persoalan undang-undang dan pentafsiran dokumen adalah sesuai ditentukan tanpa keperluan bagi suatu perbicaraan penuh.

Berikan nasihat kepada Paul mengenai dua (2) cara bagi menentukan isu, persoalan undang-undang dan pentafsiran dokumen yang tersedia baginya untuk dipilih dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan cara yang manakah yang lebih sesuai.

(12 markah)

3. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Dalam suatu guaman sivil di Mahkamah Tinggi, selepas pliding ditutup, Defendan mahu Plaintiff menyediakan butiran lanjut mengenai perenggan-perenggan tertentu dalam pernyataan tuntutan dan juga mahu Plaintiff menzahirkan keterangan yang akan dikemukakan oleh Plaintiff semasa perbicaraan.

Berikan nasihat kepada Defendan mengenai prosedur yang hendaklah diguna pakai dan prinsip undang-undang yang terpakai.

(10 markah)

- (b) Plaintiff telah memfailkan suatu guaman sivil terhadap tiga (3) Defendan yang butirannya adalah seperti yang berikut:
- (i) terhadap Defendan Pertama, suatu tuntutan bagi milikan harta tak alih, suatu perisytiharan dan ganti rugi am;
 - (ii) terhadap Defendan Kedua, suatu tuntutan bagi milikan harta tak alih dan ganti rugi jumlah tertentu;

(iii) terhadap Defendan Ketiga, suatu tuntutan bagi ganti rugi am.

Selepas writ saman dan pernyataan tuntutan disampaikan kepada ketiga-tiga (3) Defendan, mereka gagal untuk memfailkan kehadiran masing-masing dalam masa yang dihadkan untuk memasukkan kehadiran.

Berikan nasihat kepada Plaintiff mengenai tindakan seterusnya yang sepatutnya diguna pakai oleh Plaintiff terhadap setiap Defendan.

(12 markah)

(c) **Bagaimanakah penyampaian writ dilaksanakan kepada syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012?**

(3 markah)

4. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

(a) ABC Sdn. Bhd. telah memperoleh penghakiman bagi pelaksanaan spesifik berkenaan dengan lima (5) rumah kedai terhadap XYZ Developers Sdn. Bhd. di Mahkamah Tinggi. Selepas penghakiman ditulis dan disempurnakan, ABC Sdn. Bhd. mendapati percanggahan yang berikut dalam penghakiman yang dimeterai itu:

(i) endorsan penal di bawah Aturan 45 kaedah 7(4) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 telah ditinggalkan dengan tidak sengaja dalam penghakiman itu yang menjejaskan penguatkuasaan penghakiman itu;

(ii) butir-butir hakmilik bagi salah satu daripada rumah kedai itu tidak lengkap yang mungkin menjejaskan pendaftaran yang diniatkan bagi hakmilik itu di pejabat tanah; dan

- (iii) penghakiman itu tidak memasukkan rumah kedai kelima dan carian dalam fail mahkamah menunjukkan bahawa mahkamah tidak memberikan pelaksanaan spesifik bagi rumah kedai kelima itu bertentangan dengan apa yang dipercayai oleh ABC Sdn. Bhd.

Berikan nasihat kepada ABC Sdn. Bhd. mengenai langkah-langkah yang sepatutnya diambil olehnya untuk membetulkan penghakiman itu dengan merujuk kepada undang-undang kes yang berkaitan.

(13 markah)

- (b) Tan dan Wong merupakan rakan kongsi perniagaan yang setara dalam AAA Supplies, suatu perniagaan berdaftar. Selepas kebakaran memusnahkan premis perniagaan mereka, mereka memutuskan untuk menghentikan perniagaan dan membatalkan pendaftaran firma mereka. Sebelum pemberhentian perniagaan itu, mereka telah memfailkan tuntutan dengan Super Insurance Sdn. Bhd. berkenaan dengan perlindungan insurans kebakaran bagi premis perniagaan mereka. Kemudiannya, Wong telah meninggal dunia dan isterinya, May, telah dilantik sebagai pentadbirnya dan menjadi waris tunggal. Super Insurance Sdn. Bhd. telah meluluskan pampasan insurans kebakaran itu. Tan telah membuat tuntutan bagi jumlah pampasan keseluruhan. May juga telah membuat tuntutan bagi jumlah pampasan keseluruhan. Kedua-dua Tan dan May telah melantik peguam cara yang telah membuat tuntutan yang berasingan kepada Super Insurance Sdn. Bhd. untuk membayar pampasan keseluruhan itu kepada klien mereka masing-masing.

Berikan nasihat kepada Super Insurance Sdn. Bhd. mengenai langkah-langkah prosedur yang sepatutnya diambil olehnya berdasarkan tuntutan bersaing yang dibuat terhadapnya.

(12 markah)

5. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Dalam suatu permohonan bagi penghakiman terus di bawah Aturan 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, Defendan telah memfailkan affidavit jawapannya. Plaintiff telah memberikan notis kepada Defendan mengenai niatnya untuk membantah kebolehterimaan affidavit jawapan itu atas alasan yang berikut:
- (i) affidavit jawapan itu mengandungi keterangan dengar cakap;
 - (ii) satu perenggan dalam affidavit jawapan itu merujuk kepada Plaintiff sebagai seorang penipu dan seorang yang tidak beretika;
 - (iii) salah satu eksibit yang dilampirkan pada affidavit jawapan itu tidak mengandungi perakuan Pesuruhjaya Sumpah yang dihadapannya affidavit itu telah diangkat sumpah; dan
 - (iv) alamat Defendan dalam affidavit jawapan itu adalah salah.

Berikan nasihat kepada Defendan jika dia boleh dengan jayanya mengatasi bantahan yang dikemukakan oleh Plaintiff.

(12 markah)

- (b) Cavill mengambil khidmat seorang kontraktor dan seorang arkitek bagi pembinaan sebuah banglo percutian baginya di Port Dickson. Hampir sebaik sahaja selepas banglo itu disiapkan, ia telah runtuh sebahagiannya. Cavill bertekad untuk mencari punca keruntuhan itu dan untuk memfailkan tindakan undang-undang terhadap pihak yang bertanggungjawab. Kedua-dua kontraktor dan arkitek itu telah menafikan liabiliti. Kontraktor itu menghujahkan bahawa dia bergantung sepenuhnya pada lukisan arkitek itu. Cavill telah meminta arkitek itu untuk memberikan lukisan itu kepadanya

tetapi arkitek itu enggan berbuat demikian. Cavill ingin mendapatkan akses kepada lukisan itu supaya dia tahu terhadap siapa guaman boleh diambil.

Berikan nasihat kepada Cavill mengenai prosedur yang sepatutnya diguna pakai olehnya untuk memperoleh lukisan itu dan prinsip undang-undang yang terlibat.

(9 markah)

(c) **Bilakah mahkamah membuat suatu perintah bagi “kos hangus”?**

(4 markah)

6. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

(a) Bala telah memfailkan writ saman dan pernyataan tuntutan terhadap empat (4) Defendan. Bala ingin meminda writ saman dan pernyataan tuntutan itu mengikut cara yang berikut:

(i) Nama Defendan Pertama dalam writ saman itu telah dinyatakan dengan salah. Writ saman dan pernyataan tuntutan itu telah disampaikan kepada Defendan Pertama yang telah memfailkan kehadiran. Bala ingin meminda writ saman itu untuk membetulkan nama Defendan Pertama;

(ii) Defendan Kedua telah disampaikan dengan writ saman dan pernyataan tuntutan itu, dan dia telah memfailkan pembelaannya. Bala ingin meminda pernyataan tuntutan itu terhadap Defendan Kedua dengan memasukkan suatu permohonan tambahan terhadapnya;

(iii) Defendan Ketiga telah disampaikan dengan writ saman dan pernyataan tuntutan itu dan telah memfailkan kehadiran. Bala ingin meminda

kapasiti Defendan Ketiga yang dalam kapasiti itu guaman telah dibawa terhadapnya; dan

- (iv) Bala ingin meminda writ saman dan pernyataan tuntutan itu dengan menambah Defendan Kelima yang dicadangkan.

Berikan nasihat kepada Bala mengenai prosedur yang sepatutnya diguna pakai olehnya berkenaan dengan setiap pindaan yang dicadangkan itu.

(12 markah)

- (b) Thanom, seorang rakyat Thai yang mengendalikan rangkaian restoran di Lembang Klang, telah membawa guaman terhadap Chong di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi ganti rugi yang berbangkit daripada kemungkiran kontrak secara salah. Thanom tidak mempunyai alamat tetap di Malaysia tetapi secara purata dia menghabiskan masa empat (4) bulan setahun di Malaysia dan tinggal di hotel sepanjang tempoh itu. Thanom telah memfailkan guaman terhadap Chong dua (2) tahun lalu dan tarikh-tarikh perbicaraan telah ditetapkan pada bulan Januari 2024. Chong baru sahaja memfailkan permohonan kepada mahkamah bagi jaminan kos terhadap Thanom atas alasan bahawa dia biasanya berada di luar bidang kuasa mahkamah dan tidak akan dapat membayar kos kepada Chong jika Mahkamah memutuskan untuk tidak memihak kepada Thanom semasa perbicaraan. Thanom mengaku kepada anda bahawa dia sedang menghadapi masalah kewangan terutamanya disebabkan oleh kemungkiran kontrak secara salah oleh Chong.

Berikan nasihat kepada Thanom jika dia boleh mempertikaikan dengan jayanya permohonan Chong bagi jaminan kos dan berikan sebab-sebab bagi jawapan anda.

(9 markah)

- (c) **Bilakah mahkamah membuat suatu perintah dalam sesuatu kausa atau perkara yang telah dimulakan dengan saman pemula untuk diteruskan seolah-olah ia dimulakan dengan writ, dan apakah arahan yang diberikan oleh mahkamah jika berlaku sedemikian?**

(4 markah)

7. Jawab SEMUA bahagian soalan ini yang berasingan dan tidak berkaitan antara satu sama lain

- (a) Semasa perjalanan suatu perbicaraan di Mahkamah Tinggi, Peguam Plaintiff memaklumkan Hakim bahawa saksi terakhir Plaintiff, yang penting bagi kes Plaintiff, tidak dapat hadir ke mahkamah dan Peguam Plaintiff telah meminta suatu penangguhan. Permintaan bagi penangguhan itu tidak dibenarkan dan Peguam Plaintiff telah diperintahkan untuk menutup kesnya. Peguam Defendan tidak dapat membuka kesnya memandangkan tiada seorang pun saksinya, termasuk Defendan, hadir di mahkamah. Permintaan Peguam Defendan bagi penangguhan juga ditolak oleh mahkamah.

Jelas bahawa Plaintiff telah gagal untuk membuktikan kesnya dengan ketidakhadiran saksi terakhirnya.

Berikan nasihat kepada Peguam Defendan mengenai bagaimana dia sepatutnya meneruskan kes itu dalam hal keadaan itu dengan merujuk kepada undang-undang kes yang berkaitan.

(8 markah)

- (b) Bakar telah memperoleh suatu penghakiman kewangan terhadap Daud di Mahkamah Sesyen pada 25 Oktober 2017. Daud telah menyembunyikan diri selepas itu dan hanya dikesan oleh Bakar sekitar bulan November 2023. Daud mempunyai dan menguruskan suatu cawangan yang menjual telefon

bimbit dan komputer baharu. Bakar dengan segera meminta nasihat anda untuk menguatkuasakan penghakiman itu terhadap Daud.

Berikan nasihat kepada Bakar mengenai langkah-langkah prosedur yang hendaklah diambil dan cara pelaksanaan yang sesuai yang sepatutnya diguna pakai terhadap Daud.

(12 markah)

- (c) Seorang Pemiutang Penghakiman yang telah memperoleh penghakiman kewangan terhadap seorang pesara kerajaan ingin mengetahui sama ada dia boleh menggarnis pencen bulanan pesara itu. Pencen itu dimasukkan ke dalam akaun pesara itu di Bank Simpanan Nasional. Pesara itu menggunakan pencen itu untuk menanggung dirinya dan isterinya.

Berikan nasihat kepada Pemiutang Penghakiman itu jika dia boleh terus menggarnis pencen itu.

(5 markah)

oOOo